



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, CHIKUNGUNYA DAN ZIKA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 35/2017 dari 27 Ogos hingga 2 September 2017)

Penurunan kes Denggi terus berlaku pada Minggu Epid 35/2017 tahun 2017 iaitu dari 27 Ogos hingga 2 September 2017. Ini adalah minggu keempat peningkatan kes Denggi tidak berlaku. Sebanyak 1,171 kes telah dilaporkan, penurunan 249 kes (17.5%) dari jumlah kes yang direkodkan pada minggu ke-34 dengan 1,420 kes. Sehingga Minggu Epid 35/2017, jumlah kumulatif kes Denggi dilaporkan adalah 65,683 kes, berbanding 75,982 kes bagi tempoh yang sama tahun 2016, iaitu penurunan sebanyak 10,299 kes (13.6%).

Terdapat satu (1) kes kematian dilaporkan sepanjang Minggu Epid 35/2017. Jumlah kumulatif kematian Denggi sehingga Minggu Epid 35/2017 adalah sebanyak 148 kematian, berbanding 172 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2016, pengurangan sebanyak 24 kematian (14.0%).

Pada Minggu Epid 35/2017, sejumlah 478 lokaliti wabak Demam Denggi masih aktif dilaporkan termasuk 78 lokaliti hotspot semasa yang dilaporkan melibatkan tujuh (7) buah negeri iaitu 60 lokaliti di Selangor, 6 lokaliti di WP Kuala Lumpur & Putrajaya, lapan (8) lokaliti di Johor, satu (1) lokaliti masing-masing di Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang dan Sabah. Jumlah lokaliti wabak semasa juga didapati menurun berbanding dengan minggu sebelumnya iaitu sebanyak 566 lokaliti.

Pencapaian ini haruslah dikekalkan. Tindakan bersepadu daripada semua pihak perlu terus diperkasakan supaya pengurangan kes akan terus berlaku sehingga ke akhir tahun. Aktiviti pencegahan seperti *larvaciding* dan pemusnahan tempat pembiakan di tempat-tempat tumpuan awam serta premis masing-masing perlu menjadi fokus utama bagi mengelak pembiakan nyamuk *Aedes*.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga telah menerima tiga (3) kes Chikungunya dari Kelantan. Jumlah keseluruhan kes Chikungunya sehingga 2 September 2017 adalah sebanyak 254 kes iaitu 188 kes dari Kedah, 33 kes dari Selangor, 24 kes dari Johor, tujuh (7) kes dari Kelantan dan dua (2) kes dari Perak.

Tiada kes Zika baharu dilaporkan pada tahun ini. Keputusan ujian bagi 1242 sampel darah dan 29 sampel air kencing di kalangan pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif berdasarkan pemantauan sistem surveilan virus Zika dari Minggu Epid 1/2017 sehingga Minggu Epid 35/2017 oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR).

Menurut Pusat Iklim Nasional, Jabatan Meteorologi Malaysia, Monsun Timur Laut kebiasaannya bermula pada awal November yang akan membawa beberapa siri hujan lebat yang menyeluruh bagi negeri-negeri di pantai Timur Semenanjung. Jumlah hujan bagi negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan timur Johor pada November dan Disember 2017 dijangka akan melebihi 400mm.

Situasi musim hujan boleh menyediakan tempat pembiakan *Aedes* terutamanya bila bekas terpakai diisi oleh air hujan. Masyarakat Malaysia seharusnya memastikan bahawa tiada sampah sarap dan barang lusuh yang berpotensi untuk menakung air selepas hujan supaya kewujudan tempat

pembiakan nyamuk Aedes dapat dihalang. Oleh itu pengurusan sisa pepejal secara berhemah hendaklah diamalkan oleh semua masyarakat. **Tiada Aedes, Tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.**



DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

12 September 2017

KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 35/2017
(27 Ogos hingga 2 September 2017)

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 35/2017		Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 35/2016	
		Minggu 35 (27 Ogos – 2 Sept 2017)		Minggu 34 (20 Ogos – 26 Ogos 2017)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Kes	Kes	Mati				
1	Perlis	4	0	5	0	143	0	118	1
2	Kedah	13	0	17	0	1,148	4	688	2
3	P. Pinang	38	0	42	1	1,751	13	2,087	12
4	Perak	41	0	44	0	4,666	9	2,706	8
5	Selangor	605	0	792	0	35,948	55	39,936	60
6	WP KL & Putrajaya	119	0	154	0	6,743	19	6,407	15
7	N. Sembilan	45	0	43	0	2,588	11	1,992	18
8	Melaka	17	0	21	0	1,052	1	1,694	6
9	Johor	142	1	163	0	5,767	21	8,805	15
10	Pahang	33	0	12	0	1,268	2	1,886	7
11	Terengganu	3	0	6	0	224	1	1,720	15
12	Kelantan	42	0	52	0	2,141	2	3,434	6
13	Sarawak	14	0	13	0	726	4	1,986	6
14	Sabah	47	0	56	0	1,466	6	2,516	1
15	WP Labuan	8	0	0	0	52	0	7	0
	MALAYSIA	1,171	1	1,420	1	65,683	148	75,982	172

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 35/2017
(27 Ogos hingga 2 September 2017)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 (Dataran Otomobil : Blok 1 - 18)	90	164
2	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat D : Blok 52 - 58)	66	160
3	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tps 3 Taman Pelangi Semenyih	25	134
4	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Desa Mutiara Sungai Jelok	37	134
5	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tkp 15-25 Taman Kantan Permai	63	129
6	SELANGOR	Hulu Langat	Evergreen Park Acorn & Hazel Bandar Sungai Long	54	125
7	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pusat Komersial A : Jln Aa 7/Aa - Ac 7/Ac, T 7/T - Z 7/Z)	96	109
8	SELANGOR	Petaling	Seksyen U13 (Pangsapuri Seroja)	32	103
9	WPKL	Cheras	Pangsapuri Segar Ria, Tmn Segar	22	91
10	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Delima Taman Pinggiran Delima	34	90
11	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Jasmin 16-22 Taman Jasmin	21	86
12	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Subang Impian & Jln U5/178 - 180 & Jln Cc U5/Cc-Ce U5/Ce)	20	81

13	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 10 Ridzuan Kondo	21	79
14	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Rakan 9-17 Taman Rakan	16	76
15	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Sri Tanjung Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	11	74
16	SELANGOR	Petaling	Usj 6/2	20	66
17	JOHOR	Kulaijaya	Tmn Indahpura Blok Kenanga	47	65
18	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bj 1-12 Taman Balakong Jaya	10	63
19	SELANGOR	Gombak	Tmn Berjaya	40	60
20	SELANGOR	Gombak	Kg Changkat Z1	24	58
21	P PINANG	Barat Daya	Kg. Seronok	43	58
22	SELANGOR	Hulu Langat	Kampung Sungai Raya	13	57
23	SELANGOR	Petaling	Ss 19/6	13	57
24	N SEMBILAN	Seremban	Taman Seremban Jaya Fasa 5	10	57
25	SELANGOR	Petaling	Usj 6/5 - Usj 6/7	13	56
26	SELANGOR	Gombak	Kg Changkat Z 7	14	55
27	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 8 Empire City	15	54
28	SELANGOR	Klang	B.B.R (Jln Klang Sentral 4)	31	54
29	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Delima Taman Pinggiran Delima	6	54
30	JOHOR	Johor Bharu	Flat Peringkat 3, Perjiranan 8	18	54
31	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Intana Ria Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	14	53

32	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bukit Permai 1-5 Taman Bukit Permai	23	53
33	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Desa Serdang	9	52
34	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 4,5,12,14&16 Taman Sri Jelok	8	52
35	WPKL	Cheras	Taman Mutiara Barat A (Jln Mutiara 2,3,4 Jln Mutiara Barat 1,2&Jln Mutiara Raya)	9	50
36	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Sri Bahagia	14	50
37	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bm 2 Bandar Bukit Mahkota	9	50
38	SELANGOR	Petaling	Seksyen U10 (Pangsapuri Resak : Blok 1 - 2)	14	48
39	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 1-8 Taman Desa Mewah	10	47
40	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Kajang Mewah	16	47
41	SELANGOR	Hulu Langat	Pandan Teres Pandan Perdana	8	46
42	SELANGOR	Hulu Langat	Evergreen Scot Pine Bandar Sungai Long	33	46
43	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 4/10 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	16	46
44	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Seksyen 2 Bandar Mahkota Cheras	8	46
45	SELANGOR	Petaling	Tmn Kinrara Jln Tk 3 (Vista Lavender)	6	44
46	SELANGOR	Petaling	Tmn Kembang Sari	6	44
47	SELANGOR	Petaling	Usj 6/2 (Indera Subang Condominium)	26	43
48	SELANGOR	Gombak	Tmn Enggang Timur	11	43
49	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 4/5 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	25	42

50	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Desa Cemerlang_Flat Jati	22	42
51	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Damai Jaya_Makmur	9	41
52	WPKL	Cheras	Taman Midah (Prisma Perdana Condo)	6	40
53	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 7/5 Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	20	40
54	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Desa Cemerlang_Flat Orkid	10	40
55	WPKL	Kepong	Taman Koperasi Polis Fasa 2 (Jalan 36/10 - 45/10)	10	39
56	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bunga Tanjung 11-21 Taman Seraya	6	39
57	SELANGOR	Hulu Langat	Kampung Baru Batu 9 Cheras	11	39
58	PERAK	Kinta	Halaman Ampang Mewah	6	39
59	SELANGOR	Kuala Langat	Lorong 19-23,Kg Baru Sg.Jarom	7	37
60	WPKL	Cheras	Taman Midah Utara B(Jalan Midah 4,4a,4b,4c,4d,6,Midah Besar)	5	36
61	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 6 Kompleks Kediaman Kastam	10	36
62	SELANGOR	Hulu Selangor	Kg Sejahtung	7	36
63	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Prima (Orkid@Anggerik)	6	35
64	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Sri Raya Taman Sepakat Indah	9	34
65	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Rakan 1-8 Taman Rakan	9	34
66	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Bidara	11	34
67	MELAKA	Jasin	Kg Pulai	10	34

68	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Istimewa	7	34
69	SELANGOR	Kuala Langat	Jalan Timur,Tg.Sepat	7	33
70	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Sri Anggerik Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	6	32
71	SELANGOR	Petaling	Tmn Puncak Jalil 3 (Jln Puj 3/1 - 3/13)	5	32
72	SELANGOR	Petaling	Bt 13 Kg Tengah	6	32
73	WPKL	Kepong	Asrama Lelaki Smk Segambut Jaya	6	31
74	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru Zon 3	5	31
75	SELANGOR	Hulu Langat	Blok N-X Pangsapuri Baiduri Bandar Tasik Kesuma	5	31
76	SELANGOR	Gombak	Tmn Daya Zon A	5	31
77	JOHOR	Johor Bharu	Flat Sri Lanang_Fasa 2(Blok K-V)	7	31
78	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Tan Sri Yaacob_Jln Putra	20	31